

**JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR
INSTITUT TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM**

DISSERTASI BSV 695

PENGESAHAN PEMBETULAN DISSERTASI

“ Dengan ini adalah disahkan bahawa pelajar berkenan telah membuat pembetulan seperti yang diarahkan dan seterusnya dibenarkan menjilid disertasi beliau”

Nama Pelajar : MOHAMAD SUFIAN BIN HASIM

No. Pelajar : 96092303

Tajuk Dissertasi : PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN BANGUNAN
LAMA DAN BERSEJARAH DI BANDAR KLANG
SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN (KES KAJIAN
DI BANDAR KLANG SELATAN)

Semester/ Tahun : 04/1998

Nama Penyelia : ENCIK AMIR FASHA BIN MOHD ISA

Tandatangan :

Tarikh :

ABSTRAK

Memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa bangunan-bangunan lama serta bersejarah merupakan satu khazanah yang penting kepada negara kita Malaysia. Ia merupakan satu aset yang berpotensi untuk meningkatkan sumber ekonomi negara. Potensinya dapat dilihat dari segi peningkatan industri atau sektor pelancongan.

Pelancongan merupakan sektor kecil utama dalam sektor perkhidmatan yang menjana pendapatan pertukaran wang asing. Menurut Laporan Tahunan Statistik Pelancongan yang dibuat oleh Bahagian Penyelidikan Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia, kutipan dari pelancong dan pelawat asing sepanjang tahun 1996 berjumlah RM 11,251 juta dan telah menjadikan pelancongan sebagai penyumbang kedua terbesar selepas perkilangan. Di sini kita dapat lihat kepentingan sektor pelancongan di dalam peningkatan ekonomi negara.

Disamping itu juga, bangunan-bangunan lama serta bersejarah ini merupakan satu khazanah warisan bangsa dan negara yang boleh diwasiatkan kepada generasi akan datang suatu masa kelak. Ini kerana ia menggambarkan identiti dan kebudayaan masyarakat dan negara itu sendiri. Oleh yang demikian, kemusnahan bangunan-bangunan tersebut melambangkan musnahnya satu pembuktian sejarah perkembangan sesuatu masyarakat dan tempat. Kehilangannya juga melambangkan hilangnya satu rujukan yang sangat penting dari aspek teknologi pembinaan bangunan kerana

kehilangan satu gaya senibina yang unik yang mungkin tidak akan dibina lagi pada masa hadapan dan tidak dapat dilihat lagi oleh generasi akan datang.

Oleh yang demikian, untuk memastikan supaya potensi yang ada pada bangunan-bangunan tersebut dapat digunakan dengan sebaik mungkin, maka penggunaan pendekatan pengekalan dan pemuliharaan adalah sangat bertepatan. Untuk memastikan keberkesanan dalam perlaksanaannya, ia memerlukan satu kefahaman yang amat mendalam dan jelas tentang aktiviti-aktiviti serta kerja-kerja pengekalan dan pemuliharaan. Perkara ini amat penting untuk memastikan tahap pengekalan dan pemuliharaan bangunan yang ditentukan dapat dicapai. Ia juga perlu untuk menjaga dan memelihara keaslian bangunan lama termasuk sejarah dan kepentingan budaya dengan mengambil kira kehendak semasa berasaskan faedah-faedah yang diperolehi dari pengekalan dan pemuliharaan bangunan-bangunan lama ini.

Oleh yang demikian, dengan penekanan kepada aspek pengekalan dan pemuliharaan warisan sejarah negara ini, adalah diharapkan ia akan dapat menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia amnya dan bandar Klang (kawasan kajian) khususnya dan seterusnya dapat meningkatkan sumber pendapatan negara melalui aktiviti pengekalan dan pemuliharaan bangunan-bangunan tersebut.

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|-------------------|
| PENGHARGAAN | I |
| ABSTRAK | iv |
| ISI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI GAMBAR/RAJAH/JADUAL | xv |
| BAB SATU - PENGENALAN KAJIAN | |
| 1.1.0 PENGENALAN | 1 |
| 1.2.0 KAWASAN KAJIAN | 2 |
| 1.3.0 KENYATAAN MASALAH | 2 |
| 1.4.0 TUJUAN KAJIAN | 3 |
| 1.5.0 OBJEKTIF KAJIAN | 4 |
| 1.6.0 SKOP DAN BATASAN KAJIAN | 5 |
| 1.7.0 METHODOLOGI KAJIAN | 6 |
| 1.7.1 Peringkat kajian | 7 |
| 1.7.2 Hasil akhir | 10 |
| BAB DUA - ASPEK MENYELURUH BERKENAAN | |
| PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN | |
| 2.1.0 KONSEP SERTA FALSAFAH PENGEKALAN DAN | |
| PEMULIHARAAN | 11 |
| 2.2.0 PERANCANGAN PENGEKALAN DI NEGARA BARAT | 17 |

| | | |
|--------------|--|----|
| 2.3.0 | MATLAMAT PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN | |
| | BANGUNAN LAMA | 18 |
| 2.4.0 | PRINSIP-PRINSIP PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN | 20 |
| | a) Pemilihan kawasan pengekalan | 20 |
| | b) Pengawalan dan perkembangan pembangunan | 22 |
| | c) Kesesuaian ekonomi dan kegunaan yang efisien | 22 |
| | d) Kepentingan awam | 22 |
| 2.5.0 | KEPENTINGAN PENGEKALAN DAN PEMULIHARAAN | |
| | BANGUNAN LAMA DAN BERSEJARAH | 23 |
| | a) Dari aspek sejarah | 24 |
| | b) Dari segi senibina | 25 |
| | c) Dari segi psikologi | 25 |
| | d) Dari segi pendidikan dan kajipurba | 25 |
| | e) Dari segi pelancongan | 26 |
| | f) Mengimbangi integrasi pembangunan | 26 |
| | g) Mengawal kemusnahan bangunan bersejarah | 27 |
| | h) Meningkatkan taraf bangunan lama | 28 |
| | i) Menyimpan rekod-rekod silam | 28 |
| | j) Pengurangan kos penyelenggaraan | 28 |
| | k) Memanjangkan jangka hayat bangunan | 28 |
| 2.6.0 | KRITERIA MENENTUKAN BANGUNAN UNTUK DIKEKALKAN | 29 |